



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



KONSEP KESUSASTERAAN ISLAM MENGIKUT PROF DR. HASHIM AWANG

THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE BY PROF. DR. HASHIM AWANG

Adli Yaacob¹

- ¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.
Email: adlihy@iium.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A. (2021). Konsep Kesusasteraan Islam Mengikut Prof Dr. Hashim Awang. *International Journal of Modern Education*, 3(11), 93-107.

DOI: 10.35631/IJMOE.311007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini menerangkan konsep sastera islam oleh Prof Dr Hashim Awang. Menurutnya, konsep kesusasteraan Melayu mempunyai konsep teori yang sama mengenai teori Metodologi bahasa Melayu tetapi tidak semuanya dapat diterima. Untuk mencari literasi yang ideal, ia mengemukakan dua faktor tambahan yang terdapat dalam literasi kritik dan pembaca sebagai kepelbagaian diakronis (era). Selain itu, dia juga memperkenalkan Sejarah Teori Metodologi kerana ia muncul dari sastra - seseorang mempunyai nilai dan keunikannya sendiri. Sebaliknya, Prof Dr Hashim menyuarakan pendapatnya bahawa ciri-ciri masyarakat Melayu yang berkait rapat dengan "semula jadi", dan dunia ini adalah sebahagian daripada kehidupan mereka. Menurutnya, metodologi tersebut disajikan berdasarkan cara hidup dan sikap, kepercayaan dan budaya masyarakat setempat, masyarakat Melayu yang memberi inspirasi untuk memperkenalkan idea kepada karya sasteranya sendiri. Berdasarkan ini, dia mendapati dua metodologi yang dianggap relevan dan bermakna. Pertama, "Naturalis" metodologi dan kedua; metodologi "keagamaan" (الطريقة العالمية والطريقة الدينية).

Kata Kunci:

Sastera Islam, Konsep, Teori Melayu, Metodologi, Seni

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. E-Mel: adlihy@iium.edu.my
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Abstract:

This article explains the concept of Islamic literature by Prof. Dr. Hashim Awang. According to him, the concept of the Malay literature has the same theoretical concept of the Methodological theory of Malay but not all of them can be accepted. In order to find an ideal literacy, he presented two additional factors which are in literacy criticism and the reader as diachronic diversity (era). Besides that, he also introduced the History of the Methodological Theory because it emerges from a literature- one people have values and its own peculiarities. On the other hand, Prof. Dr. Hashim voice out his opinion that features of the Malay community that is closely associated with "natural", and this world is a part of their lives. According to him, the methodology is presented in the light of the way of life and attitudes, beliefs and culture of the local community, the Malay community that gave inspire to introduce idea to its own literary works. Based on this, he found the two methodologies that are deemed relevant and meaningful. First, methodological "Naturalists" and second; methodologies "religious" (الطريقة العالمية والطريقة الدينية).

Keywords:

Islamic Literature, Concept, Theory Of Malay, Methodological, Art

Biografi

Dr Hashim Awang merupakan satu-satunya personaliti pencinta bahasa yang melabelkan konsep sastera Melayu sebagai teori “pengkaedahan Melayu” dengan menegaskan perlunya kepada “pengkaedahan Melayu” kerana tidak ada model-model teori yang diberikan oleh tokoh-tokoh Barat yang lengkap terutamanya dalam sistem bahasa dan konvensi sastera². Adakalanya tokoh-tokoh Barat ini mengkaji topik bahasa dan komunikasi, bukannya sastera secara khusus seperti yang diketengahkan oleh Karl Buhler, Charlesl Morris dan Roman Jakobson³.

Beliau menegaskan bahawa bukan semua teori-teori tentang sastera dan kritikan sastera dapat diterima dalam budaya Melayu. Bahkan menurutnya lagi, di kalangan sarjana Barat sendiri tidak sehaluan dalam hal kritikan, yang mana mereka membahagikan kepada dua bahagian utama iaitu: 1) kritikan tradisional 2) kritikan moden. Kritikan tradisional hanya melibatkan unsur-unsur luaran karya dan bersifat dramatik pada “Boileau” dan bersifat sejarah pada “Sante Beuve” dan “H. Taine”, dan bersifat ilmiah kesarjanaan pada “Brunetiere” dan “Lanson”. Manakala kritikan moden melibatkan kritikan dalaman yang terbahagi pula kepada dua iaitu bersifat tafsiran seperti psikoanalisis, Marxisme, existensialisme dan kedua bersifat “analitik” seperti strukturalisme, formalisme dan linguistik (pada Roland Borthes, Levi-Strauss dan lain-lain), juga psiko-struktural, psiko-sosiologi, dinamik dan auto-analitik⁴.

² Konvensi sastera: Peraturan sastera yang diterima umum oleh satu-satu bangsa mengenai umpamanya Melayu-pantun.

³ Hashim Awang, *Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air, dalam Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik oleh Manasikana*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, p103.

⁴ Ibid, p104.

Seterusnya, beliau melihat bahawa pengamal-pengamal kritik ini bukannya pengkritik sastera tulen sebaliknya mereka ini dikalangan ahli falsafah, sosiologi atau psikitaris. Oleh yang demikian mereka hanya berminat dengan karya sastera sebagai satu dokumen sahaja seperti yang dilakukan oleh “Taine” atau “Sainte-Beuve”. Mereka mengkaji karya bukan kerana minat mereka kepada karya tetapi lebih kepada alasan-alasan yang menyebabkan kelahiran karya. Pendekatan mereka ternyata baik tetapi ia telah terpesong dari tujuan asal dalam aspek kritikan mereka. Mereka lebih merupakan sejarawan saintifik yang mengkaji bagaimana hasil karya dihasilkan dan bukannya pengkritik sastera dalam erti kata yang sebenarnya. Mereka hanya berminat untuk melihat “manusia” yang menghasilkan karya dan bukannya karya itu sendiri. Contohnya kritikan Sartre terhadap Bandelaire dan lainnya yang mengandungi banyak hal-hal yang menarik hati tentang biografi pengarang berdasarkan kepada konsep psikoanalisis kewujudan. Ini sebenarnya telah lari dari tujuan kritikan sastera. Namun begitu, terdapat juga di kalangan tokoh-tokoh Barat ini yang menekankan pengkajian karya seperti Goldmann dan Barthes tetapi mereka hanya memberikan perhatian kepada aspek “struktur” dalam kritikan mereka. Objektif daripada penekanan aspek struktur ialah hanya untuk membenarkan teori-teori mereka tentang hubungan antara struktur sastera dengan struktur sosial dan masyarakat. Goldmann dan Barthes lebih cenderung untuk mengamalkan kritikan estetika jika dibandingkan dengan pengkritik-pengkritik lain. Walaubagaimanapun, dalam hasil-hasil kritikan mereka terdapat penekanan untuk membuktikan kesahihan satu-satu aspek pengkaedahan yang digunakan dan bukannya memberikan perhatian keseluruhannya terhadap karya sastera yang dibicarakannya. Hasrat untuk lebih membuktikan kebenaran method daripada hasrat untuk meneliti dan memahami karya, kini menjadi satu permasalahan besar kepada pengkritik-pengkritik baru terutamanya di Perancis. Kebanyakannya bercorak mempertahankan caramereka walaupun sampai pada peringkat menjejaskan teks itu sendiri. Ramai pula yang melakukan kritikan secara mudah dan umum, sesetengahnya malah melupakan sama sekali dasar-dasar utama karya untuk menjadikan sistem kritiknya lebih terlaksana. Malah mengikut Dr. Hashim menjadi amat biasa pula terutamanya dalam kritikan-kritikan Bachelard Sartre, Mauryon dan Goldmann, seseorang itu akan mendapati bahawa hasrat atau keinginan mereka yang hendak membenarkan sistem atau teori mereka, dengan mengenyahkan tujuan asal kritikan dan tindakan ini akan merosakkan kritikan sahaja. Dr. Hashim menegaskan, sesungguhnya mengutamakan keinginan untuk membuktikan perkara ini adalah lebih bersifat buruk daripada keupayaan untuk memberikan saranan. Keadaan ini akan mengarahkan pengkritik-pengkritik ini untuk melaksanakan kerja mereka secara mudah dan umum, atau paling tidak mengabaikan aspek-aspek asas tertentu karya-karya yang dibicarakan kerana terlalu ghairah untuk memperlihatkan teori atau sistem pengkritikan mereka sebagai lebih benar dan berguna⁵.

Seterusnya, Dr. Hashim melihat kelemahan lain yang agak jelas dalam kritikan baru ini yang disifatkan sebagai satu aliran, iaitu kritikan mereka tidak bersandarkan kepada penelitian yang saintifik. Sebagai contoh; sosiologi kepada Goldmann adalah berupa “pseudososiologi” (sosiologi ilusi) dan kritikan psiko bagi Mauryon hanya bersifat “pseudomethaphysics” (psikoanalisis ilusi), dan peraturan empat unsur dari Bachelardt juga berupa “pseudomethaphysics” (metafizik ilusi). Dr. Hashim menyimpulkan bahawa teori dan kritikan sastera moden kini tidak lagi mengandungi tujuan-tujuan yang praktis umpamanya yang membicarakan bagaimana mengulas dan menilai sesebuah novel atau sajak. Pengarang tidak lagi boleh menggunakan kritikan sastera sebagai pedoman penciptaannya. Pembaca,

⁵ Hashim Awang, *passim*, pp106-107.

khususnya pembaca umum tidak lagi dapat menggunakan kritikan sastra untuk memahami dengan lebih mendalam tentang karya atau memandu mereka untuk membaca dan memahami dengan lebih mudah akibat penyelewengan dari tujuan asal kritikan⁶.

Di samping itu mengikut Dr. Hashim lagi, terdapat kecenderungan lain terlihat pada kritikan dan teori sastra moden Barat, iaitu kecenderungan untuk membuat generalisasi sebagai ciri sastra yang umum, sedangkan ciri tersebut hanya diperolehi hasil daripada pengamatan gejala khusus pada sesebuah karya sastra. Umpamanya, seorang tokoh sastra yang amat disanjung di Perancis “Micheal Riffaterre” di dalam bukunya menjelaskan secara ekstrim bahawa puisi itu tidak lain daripada sekadar permainan belaka⁷. Rumusan ini adalah berdasarkan kajiannya terhadap sajak-sajak Stephane Mallarme, yang mana kesimpulan dari kajiannya terhadap puisi-puisi ini secara keseluruhannya adalah kosong dari perutusan, tiada emosi, moral dan falsafah. Sajak pada pandangannya hanya merupakan satu binaan yang seolah-olah berfungsi seperti eksperimen bahasa dan nahu (tatabahasa) teks, atau dalam sebutan yang lebih baik dikatakan satu binaan yang berupa untuk mengindahkan kata-kata dan latihan menyusun kata-kata. Kemudiannya, kenyataan dalam sajak adalah sangat palsu dan ilusi, ia diwujudkan semata-mata untuk membentuk “tanda” (semious), sedangkan tanda itu merupakan satu rujukan kepada tanda “nothing” kekosongan⁸. Mengikut Dr. Hashim, dari sinilah Riffaterre membuat generalisasi tentang hakikat puisi, iaitu menulis sajak adalah beriman dengan perkataan sahaja ia kosong dari amanat perasaan, moral ataupun falsafah. Seterusnya, selain dari Riffaterre, ahli-ahli pengkritik baru (The New Criticism) juga turut membuat generalisasi⁹.

Apabila kita meneliti teori yang ditampilkan oleh pengkritik Barat ini, ternyata ia tidak adil, umpamanya tanggapan Riffaterre yang menilai sajak-sajak Mallarme sebagai kosong daripada isi dan perutusan. Ini adalah kurang tepat kerana pada sajak-sajak Mallarme itu terdapat pemilihan kata-kata yang bernada sugul tetapi disusun dengan indah dan berkesan untuk membawakan persoalan cita-cita mewujudkan peribadi yang ideal¹⁰. Dalam hal ini, Dr. Hashim menyimpulkan bahawa teori dan kritikan sastra baru di Barat menyulitkan pembaca awam khususnya untuk menentukan sikap dan memperolehi tanggapan yang tepat terhadap kritikan sastra, kerana tumpuan perhatian pengkritik berpindah-pindah iaitu dari karya sastra kepada pembaca dan kemudian berpindah lagi kepada pengarang yang dahulunya pernah diketepikan sebagai objek yang dapat dipercayai atau diyakini. Ini dilakukan sebagai usaha mencapai pengamatan yang objektif terhadap kesusasteraan, supaya teori-teori yang diperolehi itu mempunyai nilai kesahihan bagi segala yang terangkum dalam pengertian kesusasteraan. Aliran kritikan baru (yang berkembang antara 1930-1950) di U.S.A hanya mahu berpegang kepada karya sahaja sebagai objek sandaran penelitian sastra. Kaedahnya adalah “close reading” (pembacaan teliti). Niat atau “intention” tidak diambil kira dalam penentuan makna pada karya, kerana niat atau maksud yang dijelaskan oleh pengarang dalam karyanya belum tentu terdapat dalam karyanya. Perhatian kepada niat atau tujuan berkarya oleh pengarang itu dianggap sebagai kekeliruan tujuan yang sewajarnya diketepikan sekiranya kritikan yang objektif ingin diperolehi¹¹.

⁶ Ibid, p107.

⁷ Micheal Riffaterre, 1978, *Semiotics of Poetry*, Indiana University: Bloomington, pp 13-14.

⁸ Micheal Riffaterre, 1978, *passim*, p13.

⁹ Hashim Awang, *passim*, p108.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid, p109.

Selepas itu, Dr. Hashim menyingkap pergeseran yang timbul di kalangan pengkritik-pengkritik moden Barat. Ia timbul apabila wujudnya idea untuk memusatkan perhatian terhadap pengarang yang sebenar di dalam atau di sebalik karya. E.D. Hirsch, Jr., melalui buku-bukunya “Validity in Interpretation” (1976) dan “Aims of Interpretation” (1976), memberikan perbezaan antara dua istilah erti (meaning) dan makna (significance). “Erti” ialah apa yang dimaksudkan oleh pengarang dengan apa yang diwakili oleh teks. Manakala “makna” (significance) pula adalah yang menghubungkan erti tadi dengan seseorang, atau sesuatu konsepsi (tanggapan) atau apa sahaja yang dapat dibayangkan. Sama seperti manusia lain, pengarang juga akan berubah sikap, perasaan, pandangan dan nilai kriteria dalam perjalanan masa. Oleh kerana itu, dalam perubahan zaman pengarang juga berkecenderungan untuk melihat karya-karya dalam konteks yang berlainan. Oleh itu, perubahan itu bukannya erti pada karya sastra, tetapi hubungan mereka dengan erti tersebut¹². Mazhab Geneve yang beraliran fenomenologi juga mengakuinya adanya maksud pengarang di sebalik karya sastra, seperti yang terlihat pada pengkritik-pengkritik Georges Poulet dan Jean-Pierre Richard. Mereka dapat mengesan kesedaran pengarangnya. Di samping itu, terdapat pula pergeseran dengan golongan yang lebih mengutamakan pembaca. Mereka mahukan telaah sastra itu berorientasikan pembaca. Meskipun begitu, aliran kritikan baru di Amerika Syarikat tetap menolaknya. Bagi mereka, pembaca boleh membawa kesan psikologi yang dipanggil “Affective Fallacy” (kekeliruan kesan). Namun begitu, bagi mereka yang tergolong ke dalam mazhab Constance di Jerman seperti R.H Jauss, Wolfgang Iser dan pengkritik-pengkritik Amerika seperti Norman Holland, Harold Bloom dan Stanley Fish, malah Roland Barthes juga turut pula memperlihatkan kecenderungannya kepada kepentingan peranan pembaca. Ini dikemukakan ketika dia menjelaskan hubungan antara teks yang bersifat erotis; pengalaman yang diperolehi oleh pembaca adalah kenikmatan tekstual yang dinamakannya “Jouissance”. Peranan pembaca dianggap sebagai penting dalam menentukan makna pada karya. Pendirian yang mengutamakan kepada peranan pembaca dalam teori dan kritikan sastra dipanggil “estetika resepsi”. Ia secara popular ditegaskan oleh Terry Eagleton: “Tanpa pembaca (atau pengkritik) tidak mungkin adanya teks sastra. Teks sastra tidak ada di rak-rak buku, melainkan proses pemberian makna yang hanya dapat dilaksanakan dalam amalan atau praktis pembaca. Oleh itu, untuk membentuk satu hubungan kesusasteraan, pembaca adalah sama pentingnya seperti pengarangnya”¹³.

Seterusnya, Dr. Hashim menyingkap kelemahan sikap pengkritik daerah serantau (Nusantara) di dalam menentukan proses pelaksanaan mencari teori sastra dan kritikan sastra. Apa yang benar-benar diharapkan dari teori kritikan ialah penilaian baik dan buruk, tinggi rendah mutu karya sastra yang dibicarakan secara konkrit oleh pengkritik. Tetapi senario ini tidak berlaku kerana para sarjana dan pengkritik sastra lebih berminat memahami berbagai-bagai teori sastra moden yang kebanyakannya bersifat formalistik. Ia menekankan penjelasan umum tentang sastra dan kerana menekankan teori-teori yang bergerak pada sandaran yang lebih umum dan abstrak mengenai sastra maka penelitian secara konkrit terhadap karya-karya sastra menjadi terabai. Sebaliknya penjelasannya adalah bersifat objektif, sistematis dan rasional. Penerapan pendekatan yang menekankan soal kepekaan dan penelitian terhadap karya, penghayatan sastra atau penilaian yang melibatkan masalah-masalah sosial dan budaya dan sebagainya ditekankan, kerana pada tanggapan pengkritik-pengkritik moden ini, ianya terkebelakang, basi, lapuk dan usang. Di samping itu, mengikut Dr. Hashim lagi, pengkritik sekarang ini lebih banyak menimba pandangan daripada pengkritik lain dan mencari sumber

¹² Hashim Awang, *passim*, p109.

¹³ Ibid, p110.

untuk gagasan-gagasannya yang terbaik pada kritikan orang lain, bukan daripada karya sastra yang konkrit. Beliau menyarankan agar para sarjana (pengkritik) di Nusantara, kembali merenung ke dalam diri sebagai bangsa yang merdeka dan berna'wah serta beragama di samping meneliti untuk memperoleh teori kritikan sastra sendiri¹⁴.

Dr. Hashim menegaskan, oleh kerana terpengaruh dengan pemikiran penjajah, maka konflik-konflik kejiwaan juga mempengaruhi "kritikan pada karya". Pengaruh-pengaruh penjajah masih terlihat dalam mentaliti, harga diri, angan-angan, ukuran etika dan estetika dalam sesebuah karya. Umpamanya, pengkritik hari ini terlalu memberikan pujian yang tinggi dan luar biasa terhadap karya-karya sastra yang bertemakan pemberontakan, keakuan dan keegoan seperti sajak-sajak "Chairul Anwar" di Indonesia dan sajak-sajak pendurhakaan oleh Muhammad Hj Salleh di Malaysia. Dalam masyarakat tradisional di Malaysia dan Indonesia, agama memainkan peranan yang besar. Oleh itu, pemujaan terhadap karya sedemikian adalah contoh pencemaran budaya penjajahan dalam jiwa kita. Dalam masyarakat Asia, agama memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan mereka dan perkara ini mempengaruhi kesusasteraan, umpamanya di Jepun, jenis puisi "Haiku" dianggap lahir dari saat meditasi penyair mencapai "satori" (iaitu ketika terbuka kesedaran penyair terhadap inti kehidupan yang berupa kehampaan). Puisi jiwa kuno iaitu "Kakawi" tercipta oleh pujangga semasa melakukan meditasi untuk bersatu dengan "dewa keindahan" dan karya sastra menjadi alat kepada pujangga untuk mencapai kebebasan yang dipanggil "moksa" (tahap hidup yang terlepas daripada ikatan keduniaan).

Di Malaysia, puisi digunakan juga dalam upacara keagamaan. Sastra dalam hubungannya dengan kehidupan keagamaan boleh melahirkan teori sastra yang berlandaskan kepada proses penciptaan dan bukannya menekankan kepada autonomi karya, resepsi pembaca ataupun tujuan pengarangnya seperti sesetengah pegangan Barat. Beliau menegaskan bahawa nilai-nilai etika dan estetika dalam kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Melayu. Nilai karya sastra ditentukan oleh dua hal iaitu; "pertimbangan keindahan" dan "ajaran moral". Oleh itu, nilai-nilai yang bersepadu dapat dihasilkan dalam karya bersama-sama dengan makna kehidupan yang diperolehi pengarang secara bijaksana. Secara umumnya, dalam masyarakat Asia umumnya, dan Melayu khususnya, terdapat kelainan yang amat nyata jika dibandingkan dengan masyarakat Barat umpamanya unsur keseimbangan pada setiap sesuatu. Unsur ini adalah dalam bentuk sepasang dan sering berlawanan sifatnya iaitu unsur lelaki harus berimbangan dengan perempuan, di China Yang dan Ying, di India Lingga dan Yoni, langit dan bumi, gunung dan laut, matahari dan bulan, khaliq dan makhluk. Unsur-unsur perimbangan ini mengikut Dr. Hashim memperlihatkan hasrat umum untuk memperoleh kesatuan dan keutuhan yang bersepadu (organis), iaitu kesatuan yang alamiah¹⁵.

Dr. Hashim melihat bahawa, teori-teori dan model Barat adalah tidak seimbang dan bersikap berat sebelah. Ianya tidak bersifat menyeluruh kerana hanya menekankan kepada aspek-aspek tertentu yang pada hakikatnya amat bersifat kompleks dan beragam dalam situasi dan fungsi karya sastra. Beliau menegaskan bahawa, penekanan pada satu-satu aspek tertentu bukan bermakna tidak boleh atau tidak bermanfaat, tetapi ia seharusnya disedari oleh peneliti dan pembacanya bahawa pengkajian sastra seperti itu tidak lengkap dan sempurna. Ini kerana, semua aspek karya seperti pragmatik, ekspresif, mimetik atau objektif mesti digabungkan dalam penelitian yang bersifat menyeluruh. Perlu diingat bahawa, keempat-empat aspek ini

¹⁴ Ibid, p111.

¹⁵ Ibid, pp111-112.

tidak selalu memiliki kepentingan yang sama seperti dalam penelitian biografi. Aspek pengarang lebih diutamakan, dalam kajian lain pula, mungkin ia mementingkan dari segi “pembayangan realiti kenyataan” untuk melihat sejarah sosial masyarakat; atau kajian peranan pembaca atau kesan karya terhadap pembaca yang lebih melihat aspek tanggapan pembaca; dan bagi penelitian objektif pula ia lebih berusaha untuk memahami struktur karya sastra secara intensif, dan di sini aspek karya itu sendiri diberikan tumpuan. Seterusnya beliau menambah bahawa, model-model yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh Barat masih terlalu banyak kekurangan. Antara kekurangan yang dapat disingkap oleh Dr. Hashim ialah faktor sistem bahasa dan konvensi sastra. Seterusnya beliau menambah dua faktor lain iaitu pembaca sebagai kepelbagaian sosial dan pembaca sebagai kepelbagaian diakronis (zaman)¹⁶.

Bahasa amat penting dalam membentuk sastra. Pengarang terikat pada bahasa sebagai alat atau instrumen yang menghubungkannya dengan pembaca. Oleh itu, “bahasa” adalah kerangka yang formal dan konsepsi yang tidak dapat dipisahkan. Mengikut Dr. Hashim, seorang ahli semiotic Rusia yang terkenal “Jurij Lotman” berpendapat bahawa, bahasa merupakan sistem pembentuk model yang paling dasar, kerana baginya, yang mengikat pengarang dengan pembaca untuk menulis dan memahami karya sastra ialah “bahasa” itu sendiri. Pengarang dan pembaca mesti mengetahui bahasa yang digunakan dalam sesebuah karya sastra; keistimewaan struktur bahasa itu sendiri dapat membatasi dan juga sekaligus menciptakan potensi karya sastra dalam bahasa tersebut. Penelitian sastra yang tidak memberatkan bahasa sebagai acuan dan model dasar, akan menjejaskan sesuatu yang hakiki dalam karya sastra, kerana sastra itu juga adalah satu pernyataan seni yang menggunakan bahasa sebagai alat perantara atau alat penyampaianya¹⁷.

Seterusnya di dalam mencari kritikan sastra yang ideal, seseorang perlu memahami “konvensi sastra”. Konvensi sastra ialah “peraturan sastra yang diterima umum oleh sesuatu masyarakat mengenai jenis sastra”. Ia menjadi latar belakang yang mengikat atau menentukan garis penciptaan sesebuah jenis sastra tersebut. Untuk memahami, pembaca mesti akrab dan mengerti sepenuhnya “konvensi sastra” yang menjadi ikutan masyarakatnya, misalnya untuk memenuhi sepenuhnya sebuah novel detektif, pembaca sewajarnya terlebih dahulu memahami sifat atau ciri umum yang diterima tentang novel jenis tersebut. Demikian juga pemahaman tentang konvensi kesusasteraan ini menjadi amat perlu untuk memahami jenis-jenis sastra seperti “kekawin Jawa kuno”, “pantun”, “lakon wayang”, atau “puisi lirik moden”. Pemahaman tentang ini dapat membantu pembaca untuk menyelami lebih jauh hakikat sesebuah karya sastra. Seseorang pengarang itu sendiri sudah terakam dalam dirinya sejumlah konvensi kesusasteraan yang memandu atau mendorongnya untuk menghasilkan karya sastra. Pada dirinya itu lazimnya, sedia terbentuk oleh masyarakat yang mewakili konvensi kesusasteraan itu tadi. Mengikut Dr. Hashim lagi, “Jurij Lotman” turut menyebutkan bahawa “sistem konvensi adalah pembentuk model yang kedua (secondary)”¹⁸. Seterusnya, Dr. Hashim memetik pendapat A. Teeuw iaitu konvensi sastra terdiri atas dasar bahasa yang menjadi dasar sistem yang utama dan asas. Sistem ini malah mengikut pembaca dengan pengarang sebagai anggota sesebuah masyarakat sastra tertentu¹⁹.

¹⁶ Hashim Awang, *passim*, pp112-114.

¹⁷ Ibid, p113.

¹⁸ Hashim Awang, *passim*, p114.

¹⁹ A. Teeuw, 1984, *Sastra dan Ilmu Sastra*, Pustaka Jaya: Jakarta, pp58-61.

Kemudiannya, dua faktor tambahan yang dikemukakan oleh Dr. Hashim dalam rangka ingin mencari model yang ideal dalam kritikan sastera ialah pertama; “pembaca sebagai kepelbagaian dan pengubah sosial. Dalam hal ini Dr. Hashim memaksudkan pembaca memberikan tanggapan yang berbeza-beza terhadap karya sastera yang dibaca walaupun pada karya yang sama. Tanggapan dan sikap mereka turut berubah-ubah walaupun dalam satu masyarakat atau kumpulan sosial yang serupa. Lebih-lebih lagi sekiranya mereka terdiri dari pelbagai golongan dan lapisan masyarakat. Oleh kerana itu, reaksi pembaca terhadap karya sastera tidak mewakili kelompok golongan lapisan atau kelas tertentu dalam sesebuah masyarakat. Akibat daripada keadaan ini, kajian terhadap reaksi atau tanggapan pembaca memerlukan kerangka tertentu yang padanya mungkin dibeza-bezakan pembaca; atau tidak melihatnya sebagai sama dengan sebutan khalayak sahaja. Tanggapan yang berlainan harus ditunjukkan dalam model atau kerangka yang ingin digunakan. Dalam sosiologi sastera, umpamanya peranan pembaca dalam hubungannya dengan kedudukan sosial amat diberikan perhatian²⁰. Kedua ialah pembaca sebagai kepelbagaian diakronis (zaman). Beliau memaksudkan bahawa pembaca itu terdiri dari pelbagai zaman. Faktor waktu menjadi penting di sini sebagai pengubah tanggapan pembaca. Karya-karya tertentu seperti sastera klasik yang sudah lama tertulis, tetap terpelihara dan dapat terus dibaca oleh pembaca dari pelbagai zaman dan lingkungan kebudayaan. Pengarangnya jauh terpisah dari segi waktu dan ruang. Bagi pembaca zaman kini, fungsi, erti dan nilai adalah berlainan sama sekali dengan masyarakat pembaca yang sezaman dengan pengarangnya, seperti tanggapan pembaca kini terhadap “Hikayat Hang Tuah” adalah jauh bezanya dengan zaman sebelumnya. Bagi pengarangnya pula dia tetap berada dalam rangkaian sejarah. Kedudukannya sama seperti pembaca yang juga berada dalam deretan sejarah walaupun jaraknya mungkin sangat berjauhan.

Dalam konteks ini, faktor waktu menjadi amat penting untuk memahami dengan baik dan berkesan sesebuah karya sastera. Kajian sastera yang memuaskan tidak mungkin dapat dilakukan tanpa turut memperhatikan sejarah sastera. Ini kerana waktu atau sejarah itulah yang memberikan sifat dinamik kepada sastera. Karya sastera adalah tidak stabil, tidak tetap, beku tetapi berubah. Dalam sejarahnya, ia terbukti sebagai berubah oleh pelbagai faktor seperti penyalinan-penyalinan naskhah, mengubah, merosak, mengacau atau memperbaharui seperti yang dapat dilihat dalam kajian filologi. Adanya variasi ini merupakan satu ciri khas karya sastera, khususnya karya-karya klasik Melayu. Ini sepatutnya turut dimasukkan ke dalam model. Variasi memainkan peranan yang penting dan khusus dalam sastera lisan yang tidak diselamatkan dalam bentuk tulisan. Oleh kerana itu, sastera lisan Melayu mengikut Dr. Hashim perlu diberikan perhatian untuk melihat aspek ini, kerana ia turut berinteraksi dengan sastera tulisan dan turut menjadi pelengkap kepada penulisan sejarah sastera; ia mempunyai fungsi kemasyarakatan yang amat besar²¹.

Sejarah Munculnya “Teori Pengkaedahan Melayu”.

Dr. Hashim merasa terpenggil untuk menggagaskan “teori pengkaedahan Melayu” setelah melihat teori Barat tidak sesuai untuk diguna pakai dalam rangka kesusasteraan Melayu. Mengikutnya, persoalan ini hakikatnya pernah disuarakan oleh beberapa tokoh termasuk juga tokoh sarjana dari Barat yang terkenal dalam penyelidikan tentang sastera iaitu A. Teeuw²². Beliau menegaskan bahawa sastera Nusantara khususnya Malaysia dan Indonesia, belum

²⁰ Hashim Awang, *passim*, p114.

²¹ Ibid, p115.

²² Dalam pidato anjuran Persatuan Pengajian Melayu di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, pada 22 November 1980.

memiliki teori dan kaedah pengkajian sendiri. Sementara Prof Ismail Hussein, dengan amat lantang menjelaskan rasa kecewanya terhadap pengkaedahan Barat yang digunakan dalam pengkajian sastra Melayu²³. Kemudiannya, dalam tulisan yang lain pula, bertajuk “Masalah Pensejarahan Sastra Melayu Baru”, persoalan yang sama telah ditegaskan sekali lagi, tetapi kali ini ianya bukan lagi terhadap sastra tradisional bahkan merangkumi juga sastra moden²⁴.

Maka barangkali di atas saranan inilah pada tahun 1986 seorang ilmuwan Melayu, “Manasikana” telah mengemukakan persoalan ini dengan tumpuan diberikan kepada kepentingan mewujudkan pendekatan dan kaedah sendiri dalam kegiatan kritikan sastra. Beliau dilihat lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan yang berunsurkan “Islam”. Ideanya ini dikupas di dalam buku beliau mengenai kritikan sastra pendekatan dan kaedah, terbitan Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1986. Maka di atas dasar ini Dr. Hashim berpendapat bahawa saranan dari tokoh-tokoh dari luar dan tempatan harus disahut dan sastra Melayu perlu terhasil dari pandangan hidup, kebudayaan dan kepercayaan masyarakat Melayu sendiri, yang ternyata amat berbeza dengan apa yang dimiliki oleh masyarakat Barat. Ini kerana, sastra yang terjelma dari satu-satu bangsa mempunyai nilai-nilai dan keunikan sendiri. Oleh kerana itu, ia wajar dikaji mengikut kacamata pengkaedahan sendiri juga²⁵.

Ciri-Ciri Masyarakat Dan Sastra Melayu

Apabila diamati, masyarakat Melayu merupakan kelompok masyarakat yang mempunyai daya cipta atau “kreatif”. Kekreatifan mereka ini bukan sahaja dalam kerja-kerja tangan tetapi juga dalam penyaluran idea dan fikiran. Kehalusan daya kreatif mereka tercerna dalam pelbagai bentuk pertukangan seni tangan yang diilhamkan pada hasil pertukangan perak, tembaga dan pekerjaan melukis batik, menenun, menyulam dan menganyam. Ianya bukan sahaja dicernakan dalam kerja-kerja begitu sahaja tetapi juga dalam pelbagai ragam sastra prosa cereka seperti cerita-cerita teladan, jenaka, binatang, asal usul dan lagenda yang cukup indah dan bermakna. Penyaluran idea ini juga berlaku dalam sastra puisi yang terikat dan bebas (شعر الحر والمقفى), yang keseluruhannya terlihat begitu padat dan indah, seperti yang terungkap dalam bentuk-bentuk pantun, syair, gurindam, seloka, mentera dan sajak puisi moden (شعر الحر). Apabila diamati, faktor-faktor pengalaman dan persekitaran dimanfaatkan sepenuhnya ke dalam kerangka sastra begini.

Seterusnya Dr. Hashim mengupas ciri-ciri masyarakat Melayu yang mempunyai kaitan rapat dengan “alam”, malah alam ini merupakan sebahagian dari kehidupan mereka. Oleh kerana itu, masyarakat Melayu menjadi begitu sensitif terhadap persekitaran serta kejadian yang berlaku di sekeliling mereka terutama kepada perkara yang tidak mereka senangi. Mereka ingin melihat perkara-perkara yang berlaku sebagai satu pengajaran bagi mereka. Kebiasaannya, cetusan fikiran dan hati mereka diolah secara halus dan indah, dan secara kias serta perumpamaan yang tepat dan tajam. Umpamanya, apabila melihat dalam zaman sebelum Perang Dunia ke-2, masyarakat Melayu melihat wujudnya penyebaran unsur-unsur negatif yang luas hasil pertembungan budaya, maka mereka lantas memperlihatkan reaksi terhadapnya dalam bentuk pengucapan bentuk-bentuk cerpen, novel dan sajak. Kita melihat banyak sekali sastra kreatif yang dilahirkan sewaktu kedudukan masyarakat Melayu terancam seperti penghijrahan

²³ Ismail Hussein, 1966, *The Study of Traditional Malay Literature*, JMBRAS, 39.2.

²⁴ Majalah “Penulis”, Tahun 4, Bil 1-2, April-Ogos, 1970.

²⁵ Hashim Awang, *passim*, p118.

beramai-ramai golongan Cina dan India ke Malaysia yang dibawa oleh penjajah British. Kemudiannya sewaktu zaman darurat dan waktu menjelang kemerdekaan. Suara hati masyarakat Melayu boleh didapati dalam himpunan sastera karya golongan “ASAS 50”. Mereka bukan sahaja membuka kecurangan pegawai dan wakil rakyat setelah merdeka, mereka juga bangkit mendedahkan penderitaan rakyat jelata yang diakibatkan oleh bencana alam seperti banjir, kemarau dan kelaparan terhadap tanah.

Dr. Hashim menjelaskan bahawa, dari senario inilah timbulnya karya sastera yang bernada protes dalam masyarakat Melayu. Tema-tema ini telah menjadi semakin banyak dan akhirnya membentuk perkembangan sastera Melayu. Dengan memanfaatkan suasana di sekeliling mereka bersama dengan kehalusan budi dan bahasa, mereka akhirnya membuahkan sastera yang tinggi nilainya yang mampu memberikan tunjuk ajar, panduan atau pengajaran kepada golongan-golongan tertentu dalam masyarakat baik kanak-kanak, orang dewasa atau orang luar. Mereka melakukan semua ini tidak dalam cara yang biasa dan langsung, melainkan dalam bentuk yang berkias tetapi berkesan seperti “anak di rumah mati kelaparan, kera di hutan disusukan”. Bentuk kiasan ini biasanya dalam bentuk peribahasa dan juga pelbagai ragam sastera lama dan baru. Lalu mereka menjadikan bentuk-bentuk tersebut sebagai alat untuk menyalurkan petua-petua kehidupan dan pelbagai pengajaran serta panduan hidup dan sebagainya. Demikianlah, sastera Melayu itu sebahagian besarnya mengambil bentuk yang amat bersifat “didaktik” iaitu cara yang lebih menjurus kearah kaedah mengajar dan mendidik²⁶.

Teori Pengkaedahan Melayu

Oleh kerana sifat dan ciri-ciri keunikannya berbeza dengan budaya lain khususnya Barat, maka sastera Melayu dalam pelaksanaan pengkajiannya memerlukan pengkaedahan yang tersendiri. Pengkaedahan yang dimaksudkan ini ialah “pengkaedahan Melayu”. Mengikut Dr. Hashim, pengkaedahan ini dikemukakan dengan berdasarkan kepada cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan masyarakat setempat, masyarakat Melayu yang melahirkan karya-karya sasteranya sendiri. Berdasarkan kepada perkara tersebut, beliau menemui dua pengkaedahan yang dirasakan bersesuaian dan bermakna. Pertama; pengkaedahan “Alamiah” dan kedua; pengkaedahan “keagamaan” (الطريقة العالمية والطريقة الدينية).

Pengkaedahan alamiah berteraskan langsung kepada cara atau sikap hidup masyarakat Melayu itu sendiri, iaitu corak hidup yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan. Alam ini dijadikan faktor-faktor utama untuk memberikan mereka pencarian, pengalaman, pangajaran dan kebajikan. Beliau melihat sikap masyarakat Melayu yang demikian terserlah jelas dalam kitab Tajul Muluk (terbitan Maktabah Wamatbaah Wa al-Muaarif, Pulau Pinang). Kitab ini menjadi “semacam” panduan hidup yang popular di kalangan masyarakat Melayu, terutama generasi tua. Kitab ini membicarakan enam perkara pokok iaitu mengenai manusia, kesihatan (perubatan, sifat dan gerak laku manusia, mimpi dan firasat, cakerawala dan perumahan). Di samping keenam-enam persoalan ini, kitab ini juga turut memperkatakan tentang kejadian alam dari kacamata Islam, iaitu kejadian tujuh petala langit dan bumi, yang menjadi sebagai persoalan tambahan.

²⁶ Hashim Awang, *passim*, p120.

Dapat dirumuskan dari pokok persoalan yang dibicarakan, di mana tumpuan pengarang adalah kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan unsur alam, yang melibatkan kesihatan atau perubatan seperti kepentingan dan keistimewaan tumbuhan serta haiwan sebagai sumber perubatan yang dapat menyembuhkan pelbagai penyakit. Dalam persoalan cakerawala pula, yang menjadi perhatian ialah bulan, bintang dan bumi. Semua perkara ini dilihat mempunyai keperluan dan kemanfaatan kepada kehidupan manusia. Oleh kerana itu, dengan berpandukan kepada pokok-pokok persoalan dan corak pembicaraan “kitab ini” yang secara kasar dan dasar dapat mencerminkan cara dan sikap hidup masyarakat Melayu dan ianya sedikit sebanyak dapat digunakan sebagai pendekatan dalam pengkajian sastera. Dr. Hashim menyimpulkan bahawa, sama seperti unsur-unsur alam yang wujud, yang tiap satunya memiliki fungsi dan manfaat yang khusus terhadap manusia, maka sastera pun dilihat sebagai satu unsur alam yang penciptaannya adalah juga mengarah ke dalam tujuan yang serupa²⁷.

Seterusnya di bawah kerangka pengkaedahan alamiah, Dr. Hashim menampilkan tiga pendekatan dalam pengkajian sastera iaitu: pendekatan gunaan (المقاربة الاستهلاكية), pendekatan moral (المقاربة الأخلاقية) dan pendekatan firasat. Apa yang dimaksudkan dengan “pendekatan gunaan” ialah pendekatan yang didasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek-objek alam iaitu objek-objek dari hasil ciptaan. Objek-objek alam dicipta oleh Allah s.w.t, manakala sastera merupakan ciptaan manusia. Dengan berdasarkan kepada pegangan begini, maka sastera dapat dilihat sebagai satu objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu yang mana terhasil dari pengamatan tinggi seorang sasterawan terhadap alam. Di samping itu, kejadiannya itu paling utama boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti kejadian objek-objek alam yang lain.

Demikianlah, maka “pendekatan agama” dalam konteks perkara-perkara inilah sewajarnya sastera itu dilihat dan dikaji. Pendekatan yang kedua ialah “pendekatan moral”. Ia juga timbul dari pendekatan yang pertama tadi iaitu sastera di samping dianggap sebagai objek alam, ia juga merupakan satu kejadian alam, tetapi kejadian alam ini bukan lagi berupa satu kewujudan berbentuk alat atau benda bahkan ianya bersifat “pengalaman hidup”. Bersesuaian dengan sifatnya yang demikian, sastera dalam konteks ini dapat memberikan manfaat yang lebih jauh dan lebih besar daripada fungsinya sebagai suatu benda; maksudnya sastera dalam tahap ini “menyingkapkan” dan memberikan pengalaman. Pengalaman-pengalaman yang disingkapkan dan diberikan itu biasanya terdiri daripada dua hal yang utama, iaitu tentang peristiwa yang dilalui oleh manusia tertentu dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan manusia tadi serta suasana persekitarannya.

Dari hal yang pertama terserlah pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang dialami untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya bagi maksud dijadikan cermin perbandingan atau contoh tauladan yang baik, manakala dari hal yang kedua ianya ternyata bahawa sastera mampu untuk menyediakan dirinya dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan pula. Dilihat dari tanggapan begini, maka sastera jelas dapat menepati konsep “pustaka atau perpustakaan” yang di dalamnya boleh ditimba sebanyak-banyaknya pengajaran dan pengetahuan. Untuk tujuan menemukan perkara-perkara seperti ini, maka sastera itu boleh didekati atau dikaji dalam maksud “pendekatan moral” tadi. Pendekatan yang ketiga ialah “pendekatan firasat”. Mengikut Dr. Hashim, sama juga seperti “pendekatan moral” bahawa “pendekatan firasat” juga ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan

²⁷ Ibid, p121.

pengalaman hidup dan kejadian tersebut dikaitkan dengan “mimpi”, suatu pengalaman hidup yang penuh misteri dalam masyarakat Melayu dan sering dianggap bermakna kepada kehidupan. Ia amat diberikan perhatian untuk ditemukan pengertian atau maknanya, pencarian makna mimpi ini dikenali sebagai “taabir mimpi”, iaitu proses menemukan maknanya itu menerusi tafsiran lambang atau amanat tertentu yang wujud di dalamnya.

Bertepatan dengan sifat penglahirannya, sastera juga menyerupai satu mimpi, iaitu satu kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian yang mana penemuannya itu hanya dapat dilakukan menerusi proses taabir atau tafsiran. Tuntutan melaksanakan tafsiran itu menemukan maknanya ini seterusnya memberikan implikasi bahawa sastera memiliki sifat-sifat zahir dan batin atau yang sering diistilahkan sebagai yang “tersurat” dan yang “tersirat”. Sifat zahir atau yang tersurat menjadi sebagai penanda (alamat) untuk memperolehi yang “tersirat” iaitu petanda atau maknanya. Prosesnya itu menyamai dengan apa yang berlaku dalam amalan masyarakat Melayu yang mahu mengenali kelakuan atau tabiat manusia-sifat batinnya, iaitu melalui keadaan sifat zahir atau fizikal. Demikianlah maksud intipati yang perlu dicapai apabila “pendekatan firasat” digunakan dalam kajian sastera yang mana ia perlu dianalisa dan ditemukan melalui penafsiran sifat-sifat zahir atau sistem “tanda” dan “lambang” yang dimilikinya²⁸.

Kemudiannya dalam pengkaedahan yang kedua iaitu “pengkaedahan keagamaan” terangkum di bawahnya tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Dalam “pengkaedahan keagamaan” ini beliau memaksudkan sebagai pendekatan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan aqidah agama Islam. Sumber paling besar dan utama yang menjadi rujukan ialah al-Hadith; pembentukannya pula adalah bersandarkan kepada tujuan-tujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketaqwaan terhadapnya. Dengan ciri-ciri itulah maka dari pengkaedahan murni ini timbulnya tiga pendekatan tersebut. Ketiga-tiganya adalah saling berhubungan antara satu sama lain. Pendekatan yang pertama iaitu “pendekatan dakwah”. Mengikut Dr. Hashim pendekatan dakwah ialah melihat sastera sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketaqwaan seseorang terhadap Allah. Sastera dalam maksud tanggapan qudus begini sewajarnya mengandungi persoalan-persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah s.w.t; sastera di sini dapat dijadikan seperti “kitab” yang darinya para insan dapat mengenali dengan lebih mendalam dan khusyu’ sifat dan diri Tuhan sehingga timbulnya pertambahan dan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan yang lebih besar dan suci terhadapnya.

Di samping itu, sastera harus juga mempersoalkan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam, yang darinya akan dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam terhadap kesucian agama Islam, baik dari kalangan insan Muslim mahupun bukan Muslim. Beginilah nantinya, apabila pendekatan ini digunakan, maka kajian lebih banyak bertumpu kepada aspek-aspek tema dan amanat yang mengarah kepada penyerlahan permasalahan tersebut. Aspek watak dan perlakuan serta peribadinya juga menjadi menarik untuk dikaji dalam kaitannya dengan sifat-sifat mulia seorang insan Muslim, seperti yang terpancar dalam sastera sebagai bahan penelitian. Pendek kata, aspek-aspek yang dititik beratkan ialah menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Allah dan Islam. Berikutnya, “pendekatan kemasyarakatan” pula menganggap bahawa sastera sebagai alat pendedahan

²⁸ Hashim Awang, *passim*, pp120-122.

segala macam persoalan yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat, seperti yang dituntut oleh Islam. Dalam konteks ini sastera adalah dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan-permasalahan kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, rasuah dan perniagaan. Dalam erti kata lain segala permasalahan-permasalahan yang dianggap sebagai punca kepada kepincangan masyarakat dan keimanan insan. Soal kemasyarakatan di sini yang dilihat dari kacamata Islam berbeza sama sekali dengan apa yang ditanggapi oleh pihak Marxist iaitu persoalan kemasyarakatan yang timbul tidak digunakan sebagai bahan yang bersifat propaganda yang membohongi realiti melainkan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan serta ketaqwaan.

Daripada dasar pegangan, begitulah kajian sastera dapat ditumpukan kepada soal-soal isi dan tema yang memancarkan permasalahan tersebut. Kajian juga wajar terarah kepada latar belakang hidup pengarang untuk melihat sejauh mana sikap dan pandangan hidupnya selari dengan persoalan-persoalan kebajikan masyarakat yang dipaparkan dalam sasteranya. Ia memungkinkan juga timbulnya kajian-kajian yang bersangkutan dengan soal-soal syariah, ibadah, moral, ekonomi, sosial dan politik dari sudut Islam.

“Pendekatan seni” pula berupa pendekatan yang menjadikan unsur keindahan dalam sastera sebagai persoalan pokok. Keindahan di sini adalah keindahan yang membataskan dirinya kepada nilai-nilai etika Islam yang sudah pasti pula tidak bertentangan dengan aqidah serta ajaran Islam. Keindahan yang demikian sifat danuntutannya menjadi objek penelitian untuk ditemukan dalam sastera menerusi pelbagai aspek atau unsur pembikinannya: bentuk harfiah (حرفية) dan dalamannya, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, atau pemakaian sudut pandangan ini dalam penelitian sastera ialah menemukan segala-galanya untuk kemudiannya menghasilkan kembali kepada memperkukuhkan tapak-tapak yang murni lagi suci, iaitu keimanan, ketaqwaan, dan kecintaan kepada Allah s.w.t.²⁹.

Kesimpulan

Konsep yang diketengahkan oleh Dr. Hashim Awang amat menarik untuk dikaji. Ini kerana mengikut pemerhatian kita, Dr. Hashim menampilkan konsep atau teorinya berdasarkan kepada beberapa pengamatan dan ini agak berlainan dengan tokoh-tokoh sebelum ini yang telah menampilkan konsep-konsep mereka. Pengamatan yang dititik beratkan oleh beliau sewaktu menampilkan konsep ini, pertama; beliau telah bertitik tolak di atas kelemahan teori Barat untuk dijadikan “asas teori” kepada masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu tidak boleh menerima bulat-bulat segala teori dan pendekatan yang telah didatangkan dari Barat lantaran perbezaan iklim dan kebudayaan mereka. Menggunakan teori Barat diumpamakan sebagai tidak mengukur di baju sendiri. Sistem bahasa dan konvensi sastera setempat yang telah diketengahkan oleh beliau sebagai hujah yang kukuh di mana perlunya satu-satu bangsa dan kebudayaan mempunyai dasar kritikan sastera yang tersendiri.

Apa yang menarik tentang “teori pengkaedahan Melayu” yang ditampilkannya, ialah dalam pengkaedahan yang pertama “pengkaedahan Alamiah”, beliau melihat peranan buku “Tajul al-Muluk” yang mempunyai “significant” yang kuat dalam masyarakat Melayu. Persoalan ini jarang disentuh malah tidak disentuh langsung oleh tokoh-tokoh lain. Bagi penulis, ini sebenarnya satu pendekatan yang berani, kerana kandungan di dalam buku tersebut tidak dapat

²⁹ Ibid, pp122-123.

diterima sepenuhnya oleh sesetengah pendakwah dan ulama' hari ini lantaran terdapat unsur-unsur bidaah (البدعة) yang pada pandangan mereka menyeleweng dari fahaman Islam kerana terdapat unsur-unsur al-khurafat.

Meskipun begitu, beliau masih lagi menekankan perlunya kembali kepada al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber yang asasi. Perkara ini dijelaskan beliau dalam pengkaedahan yang kedua; "pengkaedahan keagamaan". Apa yang ingin ditegaskan oleh Dr. Hashim ialah dalam kritikan seni sastera bahawa budaya dan kefahaman masyarakat setempat perlu dipegang dan diambil kira tetapi mereka tidak boleh terpesong dari al-Quran dan al-Hadith. Baginya, sastera Islam memiliki bentuk dan ciri yang unik berasaskan Tawhid. Ia memerlukan metodologi dan kaedah yang tepat supaya tidak terkeluar dari landasan dan nilai-nilai Islam.


Tiga pendekatan yang disarankan oleh beliau ialah pendekatan seni, pendekatan masyarakat dan pendekatan dakwah adalah tidak mutlak sifatnya, kerana ia bersedia kepada apa-apa perubahan mengikut keperluan. Seperti yang dijelaskannya: "Tiga pendekatan atau penilaian yang ditemui setakat ini dianggap boleh diamalkan; namun ketiga-tiganya belum lagi dianggap mutlak, melainkan akan sentiasa menerima rombakan dan perubahan untuk sampai kepada tahap yang benar-benar mantap dan kukuh³⁰. Seterusnya beliau menunjukkan keterbukaannya sebagai ahli akademik di mana beliau bersedia untuk menerima teguran dan perubahan bagi memperbaiki konsep pengkaedahan Melayu yang ditampilkannya, katanya: "Di samping tiga pendekatan tersebut, masih banyak pendekatan yang boleh difikirkan dan diketengahkan. Kita semua memiliki kebebasan yang amat luas dalam membuat pemilihan dan penentuan kaedah ini selama kita dapat memahami secara mendalam bukan sahaja konsep seni kesusasteraan Islam, malah Islam itu sendiri sebagai satu agama"³¹. Berdasarkan kepada pemahaman yang telah digagaskannya beliau telah menjelaskan sifat sastera Islam yang boleh dikira sebagai definisi sastera Islam kepadanya iaitu, "kesusasteraan Islam ialah ciptaan seni daripada penghasilan kreativiti Islam, ciptaannya juga adalah bercirikan kerabbanian. Ia memiliki sifat dan ciri kreativiti yang mencontohi seperti apa yang ada pada Allah. Ia mengambil contoh daripadanya sebanyak mungkin, menjadikan segala unsur sifatnya sebagai teras ciptaannya yang paling utama dan unggul untuk mencapai taraf kesempurnaan, iaitu taraf yang padanya terkandung segala nilai ketinggian, keindahan, kebaikan dan kebenaran, biarpun tidak setepat atau sesempurna sebagaimana sifat dan kreativiti Allah"³².

³⁰ Dewan Sastera, Februari 1994, p15.

³¹ Ibid, p15.

³² Ibid, p12.

“Konsep Sastera Islam Mengikut Prof Dr Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Bentuk Carta”.



Bibliografi

A.Teeuw, 1984, **Sastera dan Ilmu Sastera**, Pustaka Jaya: Jakarta.

Dewan Sastera, Februari 1994.

Dalam pidato anjuran Persatuan Pengajian Melayu di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, pada 22 November 1980.

Hashim Awang, **Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air**, dalam Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik oleh Manasikana, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi

Ismail Hussein, 1966, **The Study of Traditional Malay Literature**, JMBRAS, 39.2.

Micheal Riffaterre, 1978, **Semiotics of Poetry**, Indiana University: Bloomington.

Majalah “Penulis”, Tahun 4, Bil 1-2, April-Ogos, 1970.